

KAJIAN PENGGUNAAN PORTAL BERITA DALAM KALANGAN REMAJA DI SABAH

NEWS PORTAL USAGE AMONG TEENAGERS IN SABAH

¹Aisah Meri

²Lee Kuok Tiung

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

¹aisah.meri@ums.edu.my

²lee@ums.edu.my

Tarikh dihantar: 5 Mac 2021 / Tarikh diterima: 10 April 2021

Abstrak: Penggunaan portal berita dalam kalangan remaja di Sabah merupakan sesuatu yang menarik untuk dikaji khususnya melihat pola penggunaan portal berita yang semakin berkembang. Kajian ini mempersembahkan pola kegunaan dan kepuasan portal berita dengan menggunakan survei ke atas 367 remajayang terdiri dari etnik Kadazandusun, Bajau, Murut, Melayu dan Cina berpandukan teori kegunaan dan kepuasan (U&G). Hasil dapatan kajian mendapati keperluan utama yang mendorong remaja Sabah mengakses portal berita ialah keperluan kognitif, penyepaduan sosial dan penyepaduan diri. Data juga menunjukkan remaja kerap menggunakan portal berita untuk pembelajaran, pencarian maklumat dan hiburan. Sementara itu, kepuasan yang paling tinggi diperolehi remaja ialah sifat mudah portal berita itu sendiri, kepuasan pengawasan dan kepuasan interaktiviti. Dalam fenomena kaya media hari ini portal berita sentiasa memainkan peranan penting dan diterima dengan baik dalam kalangan remaja di Sabah khususnya.

Kata kunci; remaja, khalayak, keperluan, kegunaan, kepuasan dan portal berita

Abstract: News portal usage among teenagers in Sabah is an intriguing subject to study as the news portal industry in Sabah itself has tremendously bloomed. This study presents finding from a survey conducted of 367 teenagers (Kadazandusun, Bajau, Murut, Melayu and Chinese) concerning their pattern of news portal usage based on uses and gratifications (U&G) theory. Findings found that cognitive, social and personal integrative needs are most important in news portal usage among Sabahan youngsters. In addition, these data found that news portal are used primarily as learning, information searching and entertainment. Meanwhile, the highest gratifications derived are convenience, surveillance and interactivity. This study conclude that in a media rich environment, the news portal has consistently played an important role and is well accepted among teenagers in Sabah.

Keywords; teenagers, audiences, needs, uses, gratifications and news portal

PENGENALAN

Industri persuratkhabaran di Malaysia semakin moden seiringan dengan perkembangan mediaskap masa kini terutamanya daripada segi transformasi saluran-saluran media konvensional kepada media baharu Internet. Hampir semua akhbar arus perdana telah memperkenalkan versi atas talian mereka dan mengatasi versi cetak. Dalam masa sama polemik terhadap kemelut pembacaan akhbar turut semakin menarik perhatian apabila menyaksikan ada akhbar seperti *Utusan Malaysia* terpaksa menghentikan operasi mereka. Apakah wajar melihat persoalan ini dari sudut jumlah sirkulasi jualan edisi cetak semata-mata ataupun perlu perspektif baharu khasnya ‘khalayak aktif’ dalam membongkar persoalan ini kerana kadar literasi dalam kalangan rakyat Malaysia sudah jauh meningkat berbanding sewaktu awal pembentukan Persekutuan Malaysia?

Rata-rata kajian terdahulu mendapati industri akhbar konvensional berhadapan dengan cabaran pembacaan yang semakin berkurangan khususnya berikutan kehadiran media baharu yang bersifat interaktif iaitu Internet (Thurman & Fletcher, 2018). Sehubungan itu, syarikat akhbar telah mengubah strategi secara pantas bagi mengatasi kebimbangan tersebut dengan melancarkan akhbar versi atas talian (*on-line*) melalui portal berita. Kajian Thompson dan Wang (2019) mendapati strategi memperkenalkan akhbar atas talian merupakan kaedah yang paling berkesan bagi menarik semula perhatian golongan pembaca. Internet telah menjadi kunci strategi utama kepada organisasi akhbar bagi memancing semula pembaca bagi meneruskan kelangsungan industri akhbar yang dikatakan semakin malap.

Industri persuratkhabaran di negara ini tidak lagi tertumpu kepada akhbar bercetak semata-mata, malah telah berkembang dengan memperkenalkan akhbar versi atas talian atau lebih dikenali sebagai portal berita. Melalui portal berita, pengguna boleh membaca berita yang sama yang diperolehi dari akhbar bercetak dengan menggunakan Internet. Tidak dinafikan akhbar atas talian banyak memainkan peranan yang penting dalam melaporkan isu dan maklumat yang pelbagai (Mings, 1997 & Muhammad Azri Syazwan dan Mohamad Saifudin, 2020). Akhbar-akhbar arus perdana di Malaysia seperti *The Star*, *Malaysia Kini*, *Harian Metro*, *Sinar Harian*, *Utusan Malaysia*, *Berita Harian* dan syarikat akhbar yang lainnya telah melancarkan portal berita masing-masing bagi memenuhi kehendak dan selera khalayak di Malaysia. *The Star* merupakan akhbar arus perdana yang pertama memperkenalkan akhbar atas versi atas talian iaitu *Star Online* pada tahun 1995 dan ini diikuti oleh *Utusan Online*, *Berita Harian Online* dan *New Straits Times Online* (Kasim dan Sani, 2016). Tidak dinafikan bahawa, populariti telefon pintar juga sebenarnya telah menyumbang kepada peralihan kebergantungan terhadap media baharu Internet yang bukan sahaja sebagai suatu alat perhubungan dan komunikasi yang semakin penting dalam masa yang sama memberikan impak ketara terhadap industri akhbar dengan pengenalan akhbar dalam talian (*online news*). Justeru, kajian ini cuba memfokuskan terhadap penerimaan dan penggunaan portal berita dengan mengambil kira khalayak remaja di Sabah memandangkan golongan remaja sering dikaitkan dengan penggunaan media yang aktif (Larson, 1995; Robert, 2000).

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Teori Kegunaan dan Kepuasan (U&G) yang diperkenalkan Katz, Blumler dan Gurevitch (1974) berpegang kepada asas khalayak aktif (*active audience*) dalam penggunaan media bagi memenuhi keperluan mereka. Ini berbeza sama sekali dengan premis teori peluru ajaib mahupun teori-teori yang menjurus kepada kuasa media (*media power*) seperti teori penentuan agenda, teori pembingkaian, mahupun teori panik moral. Persoalan pokok dalam teori U&G bukannya ‘apa media lakukan terhadap khalayak’ tetapi ‘apa khalayak lakukan terhadap media’. Khalayak yang pelbagai juga boleh menggunakan apa sahaja jenis media yang sama

bagi tujuan yang berbeza di samping kepelbagaiannya kepuasan yang boleh diperolehi dari saluran-saluran media yang berlainan (Katz, Blumler & Gurevitch, 1974; Katz, Gurevitch & Haas, 1973; Severin dan Tankard, 1992; Tan, 1985).

Kajian terdahulu menemui penggunaan media yang sama oleh individu yang berlainan adalah berdasarkan tahap keperluan yang berlainan. Khalayak dilihat sebagai individu yang aktif memilih media untuk mempengaruhi keperluan kognitif dan afektif mereka (Blumler, 1979; Blumler & Katz, 1974). Kajian lepas juga mendapat faktor psikologi dan sosial misalannya turut mempengaruhi pilihan media oleh individu (Bantz, 1982; Blumle, Gurevitch & Katz, 1985; Brown, *et al.*, 1974). Dalam melihat kajian lepas terhadap keperluan berita dan portal berita, Kippax dan Murray (1980) pernah melihat pelbagai jenis keperluan berita di antaranya keperluan maklumat, pengetahuan dan juga emosi. Sementara itu, kajian Akmar Hayati dan Siti Zobidah (2015) yang melihat keperluan penggunaan akhbar mendapat faktor yang menarik minat golongan remaja untuk membaca akhbar adalah adalah dipengaruhi oleh faktor keperluan eskapisme dan kognitif berbanding perasaan peribadi dan sosial. Isi kandungan akhbar pula dikatakan sangat mempengaruhi keperluan remaja di mana kajian awal oleh Katz *et al.*, (1973) yang mendapat kandungan akhbar sebenarnya lebih memenuhi keperluan kognitif pembaca dan ini disokong oleh kajian Lynn *et al.*, (2008) yang telah mengenalpasti remaja cenderung membaca akhbar disebabkan oleh kandungan akhbar itu sendiri yang memenuhi keperluan kognitif mereka. Kajian terhadap penggunaan media baharu pula mendapat khalayak khususnya remaja berkecenderungan untuk menggunakan media baharu bagi memenuhi keperluan hiburan dan keperluan penyeladuan sosial mereka (Lopez *et al.*, 2019).

Kajian yang memfokus terhadap motif penggunaan portal berita ataupun akhbar atas talian dapat dilihat menerusi usaha sarjana menerusi kajian lepas. Kehadiran media baharu yang seiring dengan pengenalan terhadap versi akhbar atas talian menerusi portal berita telah menarik minat para pengkaji media berkenaan dengan motif kegunaan pembacaan akhbar atas talian (Mings, 1997; Kaye dan Johnson, 2002 & Eveland *et al.*, 2004). Terdapat beberapa kajian yang memfokuskan kepada penggunaan portal berita dengan menggunakan teori U&G sebagai tunjang utama kajian. Kaye dan Johnson (2002) misalannya mendapat motif utama pembacaan portal berita ialah bimbingan, pencarian maklumat, hiburan dan juga utiliti sosial. Ini disokong oleh Chung dan Yoo (2008) dan You *et al.*, (2013) di mana pencarian maklumat, hiburan dan sosial sebagai motif utama pembacaan portal berita dalam kalangan khalayak. Kajian-kajian kegunaan dan kepuasan terhadap penggunaan portal berita selepas itu mendapat pencarian maklumat merupakan faktor kegunaan utama yang paling penting dalam kalangan khalayak (Akanda dan Haque, 2013; Mathew *et al.*, 2013; Shim *et al.*, 2015; Liana Mat Nayan, 2016; Michailina *et al.*, 2018 & Yvette dan Ahmadi, 2019).

Kajian terhadap kepuasan penggunaan portal berita melihat banyak pembolehubah yang muncul hasil daripada penggunaan portal berita dalam kalangan khalayak. Kepesatan teknologi misalannya telah membawa akhbar konvensional beradaptasi kepada akhbar secara dalam talian ataupun portal berita yang menawarkan kepuasan interaktiviti kepada pembaca (Massey & Levvy, 1999; Tewksbury & Althaus, 2000; Sundar & Limperos, 2013 & Okela, 2019). Kajian Bahiyah Omar (2014) mendapat salah satu bentuk kepuasan penggunaan portal berita yang paling ketara dalam kalangan khalayak ialah kepuasan pengawasan. Sementara kajian yang dilaksanakan oleh Liana Mat Nayan *et al.*, (2016) pula mendapat terdapat empat kepuasan utama yang diperolehi khalayak semasa menggunakan portal berita iaitu kepuasan maklumat, kepuasan hiburan, kepuasan mudah dan kepuasan interaksi sosial. Kepuasan mudah telah diterjemahkan sebagai kepuasan mudah untuk membaca, mudah untuk digunakan dan mudah untuk membaca berita pada bila-bila masa. Kajian sarjana ini mempunyai persamaan dengan kajian yang pernah dilaksanakan oleh Alsridi (2018) dan Schmitz Weiss (2018) di mana kepuasan mudah merupakan kepuasan yang paling ketara yang diperolehi oleh golongan muda

di mana sarjana ini menterjemahkan kepuasan mudah ini sebagai kepuasan untuk mengakses dengan mudah, mudah mengakses di mana sahaja dan mudah untuk mendapatkan berita terkini pada bila-bila masa. Dalam masa yang sama, kajian Liana Mat Nayan *et al.*, (2018) pula mendapati golongan muda lebih cenderung menggunakan portal berita kerana kepuasan yang diperolehi adalah pelbagai berbanding kepuasan yang diperolehi menerusi akhbar bercetak. Daripada dapatan kajian yang lepas, dapat disimpulkan bahawa wujud perubahan pola penggunaan akhbar bercetak kepada akhbar dalam talian daripada segi kegunaan dan kepuasan. Ini menyamai perspektif Ruggeiro (2000) di mana kemunculan media baharu telah membuka pelbagai pemboleh ubah baharu seperti interaktiviti, komunikasi berterusan, kawalan dan juga mudah.

OBJEKTIF

Objektif penyelidikan ini adalah:

- i. Mengenalpasti keperluan yang mendorong penggunaan portal berita dalam kalangan remaja di Sabah.
- ii. Mengenalpasti faktor kegunaan portal berita dalam kalangan remaja di Sabah.
- iii. Mengenalpasti bentuk kepuasan yang diperolehi menerusi penggunaan portal berita dalam kalangan remaja di Sabah.
- iv. Mengenalpasti hubungan antara keperluan, kegunaan dan kepuasan penggunaan portal berita dalam kalangan remaja di Sabah.

METODOLOGI

Kajian ini berupa kajian tinjauan menggunakan borang soal selidik ke atas 367 orang remaja yang terdiri daripada etnik Kadazandusun, Bajau, Murut, Melayu dan Cina yang berumur di antara 13 hingga 25 tahun dengan menggunakan persampelan bertujuan. Pemilihan lima etnik sebagai subjek utama kajian adalah berdasarkan kepada ke lima-lima etnik ini merupakan etnik terbesar di Sabah berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dipersembahkan berdasarkan demografi responden, penggunaan portal berita secara umum dan seterusnya keperluan yang mendorong remaja di Sabah menggunakan portal berita, faktor kegunaan dan bentuk kepuasan portal berita dan juga hubungan antara keperluan, kegunaan dan kepuasan penggunaan portal berita.

Demografi Responden

Keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian dilihat menerusi lima etnik utama di Sabah iaitu Kadazandusun, Bajau, Murut, Melayu dan Cina di mana jumlah bilangan remaja Kadazandusun yang terlibat adalah seramai 135 orang, remaja Bajau seramai 100 orang, remaja Murut seramai 45 orang manakala remaja Cina adalah seramai 60 orang. Jadual 1 di bawah menunjukkan etnik responden.

Jadual 1 Etnik Responden

Jantina	Bilangan	Peratus
Kadazandusun	135	36.8
Bajau	100	27.2
Murut	45	12.3
Melayu	27	7.4
Cina	60	16.3
Jumlah	367	100

N = 367

Daripada segi jantina responden, jumlah responden lelaki yang terlibat adalah seramai 179 orang sementara responden perempuan pula adalah seramai 188 orang. Jadual 2 di bawah menunjukkan jantina responden.

Jadual 2 Jantina Responden

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	179	48.8
Perempuan	188	51.2
Jumlah	367	100

N = 367

Daripada segi petempatan asal responden, hasil analisis kajian mendapati majoriti responden dari kawasan luar bandar iaitu sebanyak 72.8 peratus, sementara bakinya responden yang datang dari kawasan bandar dengan jumlah peratusan sebanyak 27.2 peratus. Jadual 3 di bawah menunjukkan tempat tinggal asal responden.

Jadual 3 Tempat Tinggal Asal Responden

Tempat Tinggal Asal	Bilangan	Peratus
Bandar	100	27.2
Luar Bandar	267	72.8
Jumlah	367	100

N = 367

Berdasarkan jenis kelayakan tertinggi oleh responden, majoriti responden dalam kajian ini memiliki kelayakan taraf Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Diploma sebagai kelayakan akademik tertinggi iaitu 33.5 peratus, diikuti oleh responden yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mewakili 19.1 peratus. Kelayakan pendidikan tertinggi bagi Ijazah Sarjana Muda sebanyak 18 peratus, diikuti oleh kelayakan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) sebanyak 15.5 peratus dan 13.6 peratus. Kelayakan akademik yang paling sedikit ialah kelayakan Ijazah Sarjana iaitu sebanyak 0.3 peratus. Jadual 4 di bawah menunjukkan kelayakan akademik responden.

Jadual 4 Kelayakan Akademik Responden

Kelayakan Akademik	Bilangan	Peratus
UPSR	57	15.5
PMR/PT3	50	13.6
SPM/SPVM	70	19.1
STPM/STAM/Diploma	123	33.5
Ijazah Sarjana Muda	66	18.0
Sarjana	1	0.3
Jumlah	367	100

N= 367

Penggunaan Portal Berita

Daripada 367 responden yang ditemui, lebih separuh iaitu 51.5 peratus daripada responden membaca sebanyak dua hingga tiga kali dalam seminggu dan disusuli 20.7 peratus responden sahaja yang membaca hanya sekali dalam seminggu. Hasil dapatan juga mendapati 17.2 peratus responden membaca empat hingga lima kali dalam seminggu sementara 10.6 peratus lagi merupakan pembaca yang kerap iaitu sebanyak enam hingga tujuh kali dalam seminggu. Jadual 5 di bawah menunjukkan purata pembacaan portal berita dalam seminggu.

Jadual 5 Purata Pembacaan Portal Berita Dalam Seminggu

Kekerapan Membaca	Bilangan	Peratus
Sekali sahaja	76	20.7
2 hingga 3 kali	189	51.5
4 hingga 5 kali	63	17.2
6 hingga 7 kali	39	10.6
Jumlah	367	100

N = 367

Daripada segi purata masa yang digunakan setiap kali membaca portal berita, 88.3 peratus responden yang ditemui membaca dalam satu tempoh masa satu jam atau kurang. Hanya 10.9 peratus responden yang memperuntukkan masa pembacaan selama dua jam manakala selebihnya iaitu 0.7 peratus responden membaca portal berita sebanyak tiga jam. Jadual 6 di bawah menunjukkan purata masa setiap kali membaca portal berita.

Jadual 6 Purata Masa Setiap Kali Membaca Portal Berita

Purata Masa	Bilangan	Peratus
Satu jam atau kurang	324	88.3
2 jam	40	10.9
3 jam	3	0.7
Jumlah	367	100

N = 367

Hasil analisis deskriptif mendapati portal berta dalam versi Bahasa Melayu menjadi pilihan utama responden dengan nilai min 4.16. Portal berita dalam versi Bahasa Inggeris pula menjadi pilihan kedua dengan mencatatkan nilai min sebanyak 3.20. Porta berita tempatan yang terdiri dari tiga Bahasa iaitu Bahasa Kadazandusun, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris menjadi pilihan ketiga orang responden dengan nilai min 2.03. Sementara itu, portal berita dalam versi Bahasa Mandarin merupakan pilihan yang paling rendah iaitu dengan nilai min 1.44. Jadual 7 di bawah menunjukkan kekerapan pembacaan mengikut bahasa.

Jadual 7 Kekerapan Pembacaan Mengikut Bahasa

Bahasa	Tidak Pernah	Jarang	Sekali Sekala	Kerap	Sangat Kerap	Nilai μ
	(f)	(f)	(f)	(f)	(f)	
Melayu	1	16	57	139	154	4.16
Inggeris	18	71	138	98	42	3.20
Mandarin	302	10	19	28	8	1.44
KD/Inggeris/Melayu	153	91	88	26	9.1	2.03

N = 367

Saluran utama yang dijadikan oleh responden untuk mengakses portal berita ialah telefon pintar dengan kemudahan pelbagai aplikasi media sosial dengan nilai min 4.38 diikuti oleh komputer riba dengan nilai min 2.83. Komputer dan tablet dilihat kurang digunakan oleh responden remaja sebagai saluran dalam mengakses portal berita apabila mencatatkan nilai min yang rendah iaitu 2.27 dan 2.01. Jadual 8 di bawah menunjukkan saluran utama pembacaan portal berita.

Jadual 8 Saluran Utama Pembacaan Portal Berita

Media	Tidak Pernah	Jarang	Sekali Sekala	Kerap	Sangat Kerap	Nilai μ
	(f)	(f)	(f)	(f)	(f)	
Telefon Pintar	6	3	41	110	207	4.38
Komputer Riba	68	89	94	66	50	2.83
Tablet	159	104	59	28	17	2.01
Komputer	123	115	62	39	28	2.27

N = 367

Hasil analisis deskriptif mendapati pembacaan portal berita oleh remaja di Sabah lazimnya didorong oleh *push news*, iaitu menerusi aplikasi *Facebook* dan *Whatsapp* dengan jumlah peratusan 73.6 peratus. Hanya 26.4 peratus responden mencari sendiri berita yang diinginkan. Jadual 9 di bawah merujuk kepada faktor pembacaan portal berita dalam kalangan responden di Sabah.

Jadual 9 Faktor Pembacaan

Faktor Pembacaan	Bilangan	Peratus
Mencari sendiri berita (<i>Surfing</i>)	97	26.4
Pautan Media Sosial (<i>Push News</i>)	270	73.6
Jumlah	367	100

N = 367

Keperluan Kegunaan dan Kepuasan Remaja Terhadap Portal Berita

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa keperluan utama yang mendorong remaja di Sabah untuk membaca portal berita ialaj keperluan kognitif diikuti pula oleh keperluan yang lain seperti keperluan penyepaduan sosial, keperluan penyepaduan diri, keperluan afektif. Keperluan pelepasan diri dilihat sebagai bukan keperluan utama yang mendorong remaja di Sabah menggunakan portal berita. Jadual 10 di bawah menunjukkan keperluan utama pembacaan portal berita.

Jadual 10 Keperluan Utama Pembacaan Portal Berita

Keperluan	Nilai Min (μ)
Kognitif	4.05
Penyepadan Sosial	3.81
Penyepadan Diri	3.59
Afektif	3.45
Pelepasan Diri	3.38

N = 367

Hasil analisis mendapati daripada tujuh bentuk faktor kegunaan yang dioperasikan di bawah faktor kegunaan portal berita, faktor kegunaan pembelajaran merupakan faktor kegunaan paling utama dalam kegunaan portal berita mereka. Ini diikuti oleh kegunaan pencarian maklumat, hiburan, identiti personal, pemesongan dan juga tabiat. Jadual 10 di bawah menunjukkan kegunaan utama pembacaan portal berita.

Jadual 11 Faktor Kegunaan Utama Pembacaan Portal Berita

Kegunaan	Nilai Min (μ)
Pembelajaran	3.89
Pencarian Maklumat	3.81
Hiburan	3.69
Identiti Personal	3.61
Pemesongan	3.41
Tabiat	3.30
Aktiviti Masa Lapang	3.30

N = 367

Hasil analisis keseluruhan terhadap kepuasan utama pembacaan portal berita dalam kalangan remaja mendapati kepuasan mudah merupakan kepuasan utama yang diperolehi semasa menggunakan portal berita diikuti oleh kepuasan pengawasan, interaktiviti, kawalan, perbincangan interpersonal dan komunikasi berterusan. Jadual 11 di bawah menunjukkan kepuasan utama pembacaan portal berita dalam kalangan remaja di Sabah.

Jadual 12 Kepuasan Utama Pembacaan Portal Berita

Kepuasan	Nilai Min (μ)
Mudah	4.12
Pengawasan	3.86
Interaktiviti	3.84
Kawalan	3.82
Perbincangan Interpersonal	3.75
Komunikasi Berterusan	3.69

N = 367

Hasil analisis regresi yang dijalankan ke atas keperluan dan kegunaan portal berita menunjukkan hubungan antara keperluan dan kegunaan portal berita dalam kalangan remaja di Sabah adalah signifikan. Nilai $F = 266.38$ adalah signifikan di aras 0.05. Nilai $R^2 = 0.42$ menunjukkan semua bentuk keperluan yang dioperasikan mempunyai 42 peratus hubung ramal ke atas kegunaan berita. Jadual 12 di bawah menunjukkan hubungan di antara keperluan dan kegunaan berita.

Jadual 13 Hubungan di Antara Keperluan dan Kegunaan Portal Berita

Pembolehubah	Beta (β)	Nilai- <i>p</i>
Peramal (Konstan)	-	0.00
Keperluan	0.65	0.00
R² = 0.42	F = 266.38	Sig. = 0.00 ^a

Sig. = 0.000 (p < 0.05)

Bagi melihat hubungan antara kegunaan dan kepuasan portal berita. Hasil analisis regresi menunjukkan hubungan antara kegunaan dan kepuasan berita dalam kalangan remaja di Sabah. Nilai F = 208.46 dilihat signifikan di aras 0.05. Sementara itu, nilai R² = 0.36 menunjukkan bentuk kegunaan yang dioperasikan mempunyai 36 peratus hubung ramal ke atas kepuasan portal berita. Jadual 13 di bawah menunjukkan hubungan antara kegunaan dan kepuasan portal berita dalam kalangan remaja di Sabah.

Jadual 14 Hubungan di Antara Kegunaan dan Kepuasan Portal Berita

Pemboleh Ubah	Beta (β)	Nilai- <i>p</i>
Peramal (Konstan)	-	0.00
Kegunaan Portal Berita	0.60	0.00
R² = 0.36	F= 208.46	Sig. = 0.00 ^a

Sig. = 0.000 (p < 0.05)

PERBINCANGAN

Kajian ini merumuskan bahawa penggunaan portal berita dalam kalangan remaja di Sabah berada pada tahap penggunaan yang sederhana. Majoriti remaja yang ditemui menyatakan bahawa mereka membaca portal berita sebanyak dua hingga tiga kali dalam seminggu dan memperuntukkan masa selama satu jam ataupun kurang bagi setiap kali membaca di portal berita. Jika dilihat pada kecenderungan bahasa yang digunakan, majoriti responden menyatakan bahawa mereka lebih gemar mengakses berita dalam versi Bahasa Melayu kerana lebih mudah difahami berbanding dengan bahasa lain. Hasil dapatan kajian juga mengaitkan faktor *technology determination* menerusi media sosial sebenarnya banyak mempengaruhi pembacaan remaja (Wohn & Bowe, 2016; Oeldorf-Hirsh *et al*, 2018; Almokbel *et al*, 2019). Ini dapat dilihat menerusi pembacaan portal berita remaja yang dipengaruhi oleh *push news* iaitu menerusi pautan yang dikongsikan oleh orang lain berbanding dengan aktiviti mencari sendiri berita yang mereka inginkan. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa penggunaan telefon pintar menunjukkan penggunaan tertinggi berbanding dengan penggunaan medium yang lain seperti komputer riba, komputer dan tablet. Penggunaan telefon pintar dilihat lebih mesra pengguna dalam kalangan remaja di Sabah.

Tidak dinafikan bahawa keperluan psikologi sosial sebenarnya berhubung kait dengan pilihan media dan turut mempengaruhi keperluan penggunaan media seseorang individu. Penemuan keperluan kognitif sebagai keperluan utama menggunakan portal berita memperlihatkan golongan remaja di Sabah begitu kritikal terhadap kesedaran persekitaran sehingga kan mereka melihat perlunya untuk meningkatkan pengetahuan sebagai keperluan yang kritikal. Hasil daripada respon yang diberikan oleh responden remaja dalam kajian ini, terdapat tiga item yang dilihat yang begitu memenuhi keperluan kognitif mereka iaitu keperluan mempelajari sesuatu yang baharu dan menarik, keperluan mengikuti pelbagai isu semasa serta keperluan mengikuti berita secara global. Hasil kajian ini sekaligus mengukuhkan lagi hasil penemuan Bonfadelli (1986) iaitu penggunaan media bagi keperluan kognitif sebenarnya turut merangkumi keperluan untuk mempelajari sesuatu yang baharu dan menarik. Kajian oleh Akmar Hayati dan Siti Zobidah (2014) pula turut menemui keperluan kognitif

sebagai keperluan utama yang mendorong remaja membaca akhbar. Justeru, portal berita dan akhbar sebenarnya mempunyai persamaan dalam menawarkan fungsi yang pelbagai kepada khalayak. Ini menyamaai pendapat Lee *et al.*, (2016) di mana populariti penggunaan portal berita dipengaruhi oleh kepesatan teknologi masa kini dan menjadi sumber maklumat penting kepada khalayak.

Faktor kegunaan pembelajaran dilihat sebagai faktor penggunaan portal berita paling utama dalam kalangan remaja di Sabah. Kredibiliti portal berita sebagai sumber maklumat masih lagi kukuh berikutan ciri utama portal berita itu sendiri yang kaya dengan maklumat. Kajian ini juga turut mendedahkan kegunaan pembelajaran dilihat sebagai kegunaan paling utama dan ini mempunyai perkaitan dengan status remaja itu sendiri yang cukup sinonim sebagai pelajar. Justeru, portal berita sebenarnya dilihat sebagai salah satu sumber pembelajaran penting bagi remaja di Sabah. Hasil kajian ini melihat portal berita *Berita Harian Online* sebagai portal berita paling popular dalam kalangan remaja Sabah sebagai contohnya kaya dengan maklumat bukan sahaja berita seperti nasional, kes, politik wilayah malahan pendidikan juga dilihat sebagai suatu sub utama di dalam portal beritamereka. Terdapat juga kolumnis rencana yang turut memuatkan penulisan rencana dalam pelbagai ruangan seperti Kolumnis, Muka 10, Komentar, Agama dan Sastera. Ruangan sebegini dilihat sedikit sebanyak mampu membantu golongan remaja sebagai proses pembelajaran mereka.

Hasil analisis kajian mendapati kepuasan utama yang paling ketara yang diperolehi remaja di Sabah adalah kepuasan mobiliti yang merujuk kepada kebolehan mengakses portal berita pada bila-bila masa. Hal ini berikutan kebanyakan remaja di Sabah mengakses portal berita di telefon pintar masing-masing. Konteks mudah ini menyerupai kajian yang dilaksanakan oleh Wei dan Lo (2006) terhadap penggunaan telefon bimbit di mana salah satu kepuasan utama penggunaan telefon bimbit pada ketika itu adalah mudah dibawa ke mana sahaja berikutan cirinya yang kompak. Namun yang demikian, kepesatan teknologi baharu dengan pengenalan terhadap telefon pintar, tablet malahan komputer riba dengan akses Internet telah menjadikan mudah sebagai salah satu kepuasan yang diperoleh remaja semasa mengakses portal berita. Mereka tidak lagi tertumpu kepada satu medium sahaja, kerana teknologi telah memberikan banyak pilihan kepada mereka untuk mengakses portal berita yang mereka kehendaki. Justeru, kepuasan mudah dalam konteks remaja di Sabah diterjemahkan kepada kepuasan khalayak remaja iniyang mereka rasakan cukup mudah menggunakan portal berita berikutan portal berita itu sendiri yang boleh diakses di mana-mana, ciri *friendly user* portal berita yang membantu memudahkan pembacaan serta penggunaan, membantu remaja itu sendiri dalam pencarian isu semasa hanya dengan menekan butang ‘cari’ juga memudahkan mereka mengakses berita pada bila-bila masa. Jika dilihat kepada hubungan antara keperluan, kegunaan dan kepuasan pula hasil dapatan kajian ini dapat bersamaan dengan apa yang dikatakan oleh Katz, Blumler dan Gurevitch (1974) di mana khalayak sememangnya menggunakan media bagi memenuhi keperluan seterusnya mewujudkan motif penggunaan bagi memenuhi kepuasan yang berbeza dalam kalangan khalayak.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, empat objektif utama dalam usaha melihat penggunaan portal berita dalam kalangan remaja di Sabah ini berjaya melihat keperluan kognitif, kegunaan pembelajaran dan kepuasan mudah merupakan pemboleh utama yang paling banyak mempengaruhi pola penggunaan portal berita khalayak ini. Tidak dinafikan juga faktor teknologi sebenarnya turut mempengaruhi kegunaan dan kepuasan portal berita dalam kalangan remaja di negeri ini. Keunikan portal berita dikatakan mempunyai kelebihan yang tersendiri jika dibandingkan dengan akhbar konvensional dan memberikan kepuasan kepada pengguna khususnya golongan remaja. Khalayak remaja masa kini juga dilihat mempunyai

banyak pilihan dalam pemilihan portal berita masing-masing. Daripada aspek penggunaan teori U&G sebagai tunjang utama dalam kajian ini, khalayak remaja Sabah dilihat menghubungkan keperluan, kegunaan dan kepuasan penggunaan portal berita mereka dengan saluran portal berita yang pelbagai. Justeru, wujud pola pembacaan yang berbeza mengikut keperluan, kegunaan dan kepuasan penggunaan portal berita masing-masing.

PENGHARGAAN

Kajian ini ditaja UMS Great kod kajian: GUG0045-SS-P-1/2016 dengan tajuk *Penerimaan dan Penggunaan Portaal Berita dalam Kalangan Remaja Sabah*.

RUJUKAN

- Akanda, A.K.M.E.A. & Haque, M.A (2013). Newspaper Reading Habits of University Graduate Students in Bangladesh: A Case Study. *International Journal of Research in Applied, Natural and Social Sciences*, 1(3), 1-8.
- Akmar Hayati Ghazali & Siti Zobidah Omar. 2015. What Kind of Information Needed by The Youth. *Journal of Media Critiques*, 1(4): 23-33.
- Alsrudi, H. 2018. Uses and Gratifications of Online News among Young Adults in Bahrain. *Athens Journal of Mass Media and Communications*, 4(1), 63-80.
- Bahiyah Omar. 2014. Immediacy Gratification in Online News Consumption and Its Relations to Surveillance, Orientation and Elaborations of News. *Procedia- Social and Behavioural Sciences*, 155(2014), 405-410.
- Bantz, C.R. 1982. Exploring uses and gratifications: A comparison of reported uses of television and reported uses of favourite program type. *Communication Research*, 9: 352-379.
- Blumler, J.G. & Katz, E. 1974. *The Use of Mass Communications: Current Communication Research*. Beverly Hills, CA Sage.
- Blumler, J.G. 1979. The Role of Theory in Uses and Gratifications Studies. *Communication Research*, 6:9-36.
- Chung, D.S. & Yoo, C.Y. 2008. Audiences Motivations for Using Interactive Features: Distinguishing Uses of Different Type of Interactivity on an Online Newspaper. *Mass Communication and Society*, 11: 375-397.
- Kaye, B.K. & Johnson, T.J. 2002. Online and In The Know: Uses and Gratifications of the Web for Political Information. *Journal of Broadcasting and Electronic Media*, 46: 57-71.
- Kippax, S. & Murray, J.P. 1980. Using the Mass Media: New Gratifications and Perceived Utility. *Communication Reserach*, 7: 335-360.
- Lee Kuok Tiung, Aisah Meri, Siti Suriani Othman & Liana Mat Nayan. 2016. Kegunaan dan Kepuasan Portal Berita dalam Kalangan Belia di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 33(2), 2016: 790-816.
- Liana Mat Nayan, Aruna Raj Devarajoo, Siti Suriani Othman, Lee Kuok Tiung & Nik Norma Nik Hasan. 2016. Online Newspaper Uses among University Students. *Journal of Human Capital Development*, 9(1).
- Lopez, C., Hartmann, P. & Apaolaza, V. 2019. Gratifications on Social Networking Sites: The Role of Secondary School Students Individual Differences in Loneliness. *Journal of Educational Computing Research*, 57(1): 58-82.
- Mathew, J, Ogedede, P.M. & Adenji, S.B. 2013. Online Newspaper Readership in the North Eastern Nigeria. *Asian Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(2), 239-238.

- Michailina, S., Andreas, M. & Christos, P. (2015). Understanding Online News: Uses and Gratifications of Mainstream News Sites and Social Media. *International Journal of Strategic Innovative Marketing*, 3(2015).
- Mings, S.M. 1997. Uses and Gratifications of Online Newspapers: A Preliminary Study. *The Electronic Journal of Communication*, 7(3).
- Muhammad Azri Syazwan Abd Hamid & Mohamad Saifudin Mohamad Salleh. 2020. Analisis Pelaporan Akhbar The Guardian dan The Telegraph Dalam Talian Terhadap Isu Penyalahgunaan Bahan Terlarang (Doping) Dalam Kalangan Atlet. *Jurnal Komunikasi Borneo*, (8).
- Okela, A. 2019. Young Egyptian's Uses and Gratifications. *Arab Journal of Media Communications Research*, 25: 18-32.
- Ruggeiro, T.E. 2000. Uses and Gratifications Theory in The 21st Century. *Mass Communication & Society*, 3(1):3-37.
- Schmitz Weiss, A. 2018. Location-Based News in Mobile News Apps. Broadcast Lead in Geolocated News Content Newspaper Lag Behind. *Newspaper Research Journal*, 30(1).
- Shim, H., You, K.J., Lee, J.K. & Go, E. 2015. Why do People Access News with Mobile Devices? Exploring the Role of Suitability Perception and Motives on Mobile News Use. *Telematics Inform*, 32(1): 108-117.
- Sundar, S.S. & Limperos, A.M. 2013. Uses and Grats 2.0: New Gratifications for New Media. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 57(4): 504-525.
- Tewksbury, D. & Althuss, S.L. 2000. Differences in reader knowledge acquisition among readers of the paper and online versions of a national newspaper. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 77: 71-79.
- Thurman, N. & Fletcher. 2018. Are Newspapers Heading Toward Post-Print Obscurity? *Digital Journalism*, 6(8).
- Yvette Wohin, D. & Ahmadi, M. 2019. Motivations and Habits on Micro-News Consumption on Mobile Social Media. *Telematics and Informatics*, 22(2019), 101262.